

# Pelaksanaan Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan kepada Pemantapan Peruntukan Perundangan dalam Akta/Enakmen Syariah Negeri-negeri

*(The Implementation of Alternative Sentence in Syariah Courts: The Need to Strengthen the Legal Provisions in the States' Shariah Acts/ Enactment)*

HASNIZAM HASHIM  
JASRI JAMAL

## ABSTRAK

*Hukuman Alternatif dapat memberi pilihan kepada Mahkamah Syariah dalam menghadapi keterbatasan bentuk hukuman sedia ada dengan matlamat untuk memulihkan pesalah berbanding menghukum mereka semata-mata. Namun demikian, banyak aspek perlu dikaji dan diteliti secara rinci dan mendalam terlebih dahulu terutamanya dari aspek peruntukan undang-undang berkaitan bagi mengelakkan apa-apa masalah perundangan berbangkit. Ini kerana dalam sistem perundangan syariah di Malaysia, setiap negeri mempunyai hak kuasa eksklusif untuk membuat perundangan dan tafsiran yang berkaitan dengan undang-undang Islam di negeri masing-masing seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sebagai langkah pemula ke arah pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah, aspek punca kuasa atau peruntukan dari sudut undang-undang dalam perundangan syariah negeri-negeri merupakan perkara utama yang perlu dilihat dan dimantapkan terlebih dahulu berbanding aspek-aspek lain. Oleh itu, penulisan yang menggunakan pendekatan kualitatif ini akan menjelaskan peruntukan perundangan sedia ada dan mencadangkan penambahbaikan terhadap beberapa aspek yang dilihat penting sebagai langkah awal ke arah memantapkan pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah supaya lebih sistematik pelaksanaannya. Kajian mendapati sekiranya peruntukan undang-undang ini berjaya ditambah baik dan dinyatakan secara jelas dalam Akta dan Enakmen Negeri-Negeri, hukuman alternatif akan dapat dilaksanakan secara lebih meluas sekali gus dapat menangkis perdebatan dan pertikaian dari sudut perundangan dan punca kuasa.*

*Kata kunci:* Mahkamah Syariah; hukuman alternative; pemantapan peruntukan perundangan; akta dan enakmen negeri-negeri; sistem perundangan syariah

## ABSTRACT

*The Alternative Sentence provides the Syariah Court with an additional option of sentence apart from the limited forms of sentence available to it. Such form of sentence serves the purpose to rehabilitate convicted persons rather than to punish them. However, many aspects need to be considered and studied in detail, especially from the aspect of relevant legal provisions to avoid any legal issues arising in the future. Such consideration is crucial in the light of the fact that under Malaysia syariah legislative system, each state has the exclusive power of authority to make legislation and interpretations related to Islamic law in their respective states as provided for by the Federal Constitution. As an initial step towards the implementation of alternative sentence in the Syariah Court, it is noted that the source of power or the legal provisions in the Shariah law of each of the states are the main aspects to be looked into and be reinforced compared to other aspects. Thus, this article used the qualitative approach to clarify the existing legal provisions and thereafter to propose improvements on some of the important aspects to be considered as an initial step towards strengthening the implementation of alternative sentence in the Syariah Court in a systematic way. The study found that the successful reinforcement of this law in the Acts and the State Enactments provides a clear path for the implementation of alternative sentence on a wider scale apart from fending off debates and disputes from the perspectives of legislation and power.*

*Keywords:* Syariah Court; alternative sentence; reinforcement of legal provisions; acts and state enactments; syariah legislative system

## PENGENALAN

Idea untuk melaksanakan bentuk hukuman baharu sebagai alternatif kepada bentuk hukuman sedia ada yang dijatuhkan ke atas pesalah syariah di Malaysia pada hari merupakan suatu keperluan bagi mentransformasi dan seterusnya memperkasa Institusi Kehakiman Islam Negara dalam usaha menjadikannya sentiasa relevan dengan suasana dan keadaan semasa.<sup>1</sup> Pendekatan dan bentuk hukuman yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah pada masa kini juga perlu dipelbagai sesuai dengan perubahan masa yang menuntut kepada kepelbagaian mekanisme dalam mencapai keadilan.<sup>2</sup>

Walaupun Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa) Jenayah 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355] memperuntukkan hukuman berbentuk denda, penjara dan sebatan, namun kecenderungan penghakiman menyaksikan hanya hukuman denda pada kadar yang rendah sahaja menjadi pilihan.<sup>3</sup> Kadar denda yang dikenakan pula tidak diketahui sejauh mana kesesuaian serta keberkesanannya dalam menyedarkan pesalah syariah dan pada masa yang sama, menjadi elemen pencegahan kepada orang lain daripada melakukan perbuatan serupa.<sup>4</sup> Selain itu, perbezaan peruntukan dan bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah syariah yang sama antara negeri-negeri juga turut memperlihatkan keperluan signifikan untuk mengkaji semula asas dan objektif utama yang hendak dicapai dalam menghukum pesalah syariah pada masa kini.<sup>5</sup>

Dalam keterbatasan hukuman yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984, masih ada ruang sebenarnya yang membolehkan para hakim mengenakan hukuman selain denda, penjara dan sebatan. Hukuman yang dimaksudkan ialah hukuman alternatif berbentuk perintah pemulihan yang merangkumi hukuman perintah khidmat masyarakat, bon berkelakuan baik, kaunseling, kelas fardu ain, kelas pemantapan akidah, program di masjid dan sebagainya. Perbincangan awal tentang hukuman alternatif di Mahkamah Syariah telah di adakan pada 1 November 2011 bertempat di Shah Alam Selangor. Seminar Hukuman Alternatif Pelaksanaan dan Keberkesanannya anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor telah dihadiri oleh pengamal undang-undang dan ahli akademik sebagai salah satu jalan penyelesaian alternatif akibat keterbatasan Akta 355.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, sehingga kini hukuman alternatif ini masih kurang popular dan kurang mendapat sambutan para pengamal undang-undang bagi tujuan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. Salah satu puncanya ialah ketidakjelasan peruntukan undang-undang berkaitan dengannya.<sup>7</sup> Oleh hal yang demikian, artikel ini membincangkan aspek tersebut dan mencadangkan beberapa penambahbaikan dan pemantapan terhadap peruntukan undang-undang sedia dalam Akta/Enakmen Syariah Negeri-negeri sebagai langkah ke arah pelaksanaannya yang lebih sistematik.

## MAHKAMAH SYARIAH SERTA BIDANG KUASA MENGHUKUM

### Penubuhan Mahkamah Syariah

Kuasa untuk menubuhkan Mahkamah Syariah diperoleh daripada Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Senarai II, Jadual Kesembilan, Senarai Negeri yang memperuntukkan bahawa:

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak

yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Badan Perundangan Negeri, di bawah kuasa Perlembagaan Persekutuan, diberikan kuasa untuk mentadbir undang-undang Islam dan semua hal-ehwal Islam di negeri masing-masing, kecuali Wilayah Persekutuan yang diletakkan di bawah Persekutuan. Pihak berkuasa negeri akan mewujudkan Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Islam Negeri, dan di bawah Akta/Enakmen/Ordinan inilah, Mahkamah Syariah ditubuhkan. Selaras dengan ini juga, di bawah Akta/Enakmen/Ordinan ini diperuntukkan bidang kuasa dan juga pegawai-pegawai mahkamah yang akan mengendalikannya.<sup>8</sup> Pentadbiran mahkamah ini juga diasingkan daripada pentadbiran agama Islam negeri. Oleh sebab itu, terdapat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri dan di bawah Jabatan ini, diwujudkan mahkamah-mahkamah yang diketuai oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Negeri masing-masing.<sup>9</sup>

#### Bidang kuasa Menghukum Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] merupakan undang-undang yang mula-mula memberi kuasa penghukuman dan menerangkan bentuk-bentuk hukuman yang dibenarkan di Mahkamah Syariah. Akta ini diwujudkan bertujuan memberikan bidang kuasa kepada mahkamah-mahkamah yang ditubuhkan di bawah undang-undang negeri untuk mengendalikan kesalahan-kesalahan dan hukuman di bawah undang-undang Islam. Di bawah Akta ini Mahkamah Syariah hanya berkuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak melebihi RM1000.00. Pada tahun 1984, Akta ini telah dipinda dan diperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah dibenarkan menjatuhkan hukuman maksimum RM5000.00 denda, atau penjara maksimum tiga tahun atau sebatan enam kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan.<sup>10</sup>

Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan hukuman berdasarkan Akta 355 dalam Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri adalah seperti berikut:<sup>11</sup>

- i. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan akhlak, seperti berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai dan lelaki berlagak seperti perempuan di tempat-tempat awam.
- ii. Kesalahan-kesalahan seks seperti bercumbuan antara pasangan yang bukan suami isteri, bersekedudukan atau berkhawlwat, berkelakuan sumbang, berzina, mukadimah zina, liwat, *musahaqah*, hamil atau melahirkan anak di luar nikah dan melacurkan diri.
- iii. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan amalan agama seperti mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan hukum syarak, menganjur, menggalak atau melakukan maksiat, meminum minuman yang memabukkan, menjual dan membeli minuman yang memabukkan dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan.

- iv. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesejahteraan orang lain seperti menghasut atau memujuk mana-mana perempuan bersuami atau beristeri supaya bercerai, melarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang lain meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya, melacurkan anak atau kanak-kanak di bawah jagaan, melarikan atau mempengaruhi seseorang perempuan supaya lari dari jagaan ibu bapanya, menjadi muncikari iaitu menjadi orang tengah untuk tujuan menyalahi syarak dan mempertikaikan keIslamam orang lain.
- v. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pentadbiran hukum-hukum Islam seperti mengingkari, membantah, melanggar atau mengeji mana-mana kadi/ hakim atau pegawai hal ehwal agama, mufti, mungkir mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di mahkamah, melanggar dan mengingkari atau menghina mana-mana perintah mahkamah.
- vi. Bersubahat dalam melakukan apa-apa kesalahan di atas.
- vii. Pelbagai kesalahan yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

## HUKUMAN ALTERNATIF DI MAHKAMAH SYARIAH

### Definisi Hukuman Alternatif

Selain hukuman yang telah ditetapkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984), Mahkamah Syariah negeri-negeri melalui peruntukan yang terdapat dalam Akta/Enakmen/Ordinan Negeri juga berkuasa untuk melaksanakan hukuman alternatif yang lain. Menurut YAA Dato' Yusof Musa, Hakim Mahkamah Rayuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), hukuman alternatif ialah hukuman selain hukuman penjara, sebat dan juga denda. Dalam erti kata lain, hukuman alternatif di Mahkamah Syariah ialah alternatif atau ganti kepada hukuman-hukuman yang sedia ada dalam bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah 1984.<sup>12</sup> Sementara itu, Dr Siti Zubaidah Ismail, Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pula berpandangan bahawa hukuman alternatif adalah merupakan hukuman ganti kepada hukuman asal. Hukuman asal ialah hukuman yang diperuntukkan dalam Akta 355. Sebagai contoh, alternatif atau ganti kepada penjara ialah denda manakala kegagalan membayar denda yang dikenakan, alternatifnya pesalah akan dipenjarakan.<sup>13</sup> Walaupun terdapat perbezaan pandangan dari segi definisi, penulis berpandangan bahawa kedua-dua takrifan ini bertepatan sekiranya peruntukan undang-undang dalam Akta/Enakmen Jenayah dirujuk. Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang dalam Akta/Enakmen Jenayah, hukuman alternatif dijelaskan sebagai hukuman atau ganti hukuman. Hukuman bermaksud sebagai hukuman dan juga tambahan kepada hukuman yang diberikan manakala ganti hukuman bermaksud hukuman asal diketepikan dan digantikan dengan hukuman lain. Walau bagaimanapun, dalam konteks perbincangan tentang hukuman alternatif, penulis merujuk hukuman alternatif sebagai ganti kepada kesemua hukuman atau hukuman selain yang diperuntukkan dalam Akta 355.

### Objektif Hukuman Alternatif

**JADUAL 1.** Statistik Kesalahan Jenayah Syariah Tahun 2009 hingga Tahun 2013 mengikut Negeri

Negeri/ Tahun	2009	2010	2011	2012	2013
------------------	------	------	------	------	------

Wilayah Persekutuan	1483	2019	1535	1728	1201
Terengganu	1078	917	1222	1061	827
Selangor	1791	2400	1710	1833	2795
Sarawak	205	212	244	95	81
Sabah	313	265	450	700	1205
Pulau Pinang	1085	790	1511	1752	1135
Perlis	424	397	355	397	236
Perak	1525	1377	1682	1368	1161
Pahang	559	1131	876	906	2196
Negeri Sembilan	2218	1210	287	1107	1497
Melaka	643	579	2675	1235	915
Kelantan	2054	2531	2892	2810	3032
Kedah	281	449	367	440	1293
Johor	4204	3867	3546	2758	1909
<b>JUMLAH</b>	<b>17863</b>	<b>18144</b>	<b>19442</b>	<b>18190</b>	<b>19483</b>

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

JADUAL 2. Statistik Kesalahan Tertinggi bagi Kes Jenayah Syariah seluruh Malaysia Tahun 2014 (Kesalahan di bawah Undang-Undang Jenayah Syariah)

BIL	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KES
1	Khalwat	5790
2	Perbuatan tidak sopan di tempat awam	1982
3	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah	1090
4	Berjudi	1036
5	Persetubuhan luar nikah	808
<b>JUMLAH</b>		<b>10706</b>

Sumber: Bahagian Undang-Undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jadual 1 dan 2 di atas menunjukkan statistik kesalahan Jenayah Syariah di bawah Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah dan Undang-undang Keluarga Islam bagi negeri di seluruh Malaysia dari tahun 2009 hingga 2014. Sekiranya dilihat, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah masih tinggi.

Hukuman sepatutnya boleh mencegah perbuatan jenayah daripada berlaku. Melihatkan jumlah kesalahan yang masih tinggi, penulis berpandangan bahawa bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah syariah di bawah undang-undang jenayah dan kesalahan jenayah di bawah undang-undang keluarga Islam perlu dilihat dan dikaji semula dari segi kesesuaian dan keberkesanannya dalam menangani peningkatan kes-kes jenayah syariah. Amalan hukuman yang rata-ratanya berbentuk denda sahaja perlu diubah.

Hukuman alternatif mengandungi elemen pemulihan seperti kaunseling, kerja khidmat masyarakat, kelas fardu ain, kelas pemantapan akidah dan program di masjid.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, pengenaan hukuman alternatif tidak boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya. Antara faktor yang perlu diambil kira dalam pengenaan hukuman alternatif kepada pesalah syariah ialah keseriusan kesalahan yang dilakukan, umur, perwatakan, tahap kesihatan mental dan lain-lain lagi.<sup>15</sup> Hukuman alternatif ini hanya boleh dikenakan ke atas pesalah apabila difikirkan wajar oleh Mahkamah bahawa ia boleh suai

manfaat bagi pesalah tersebut.<sup>16</sup> Antara objektif utama hukuman alternatif di Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:

- 1- Sebagai platform untuk menyesali, menginsafi dan memperbaiki diri pesalah.

Hukuman alternatif merupakan peluang kedua yang diberikan kepada pesalah yang terlibat supaya mereka dapat memperbaiki diri agar dapat menjadi warganegara serta anggota masyarakat yang patuh kepada hukum syarak dan undang-undang. Pesalah-pesalah yang menjalani perintah pemulihan melalui hukuman alternatif akan diberi bimbingan untuk membentuk akidah dan sahsiah diri melalui program-program yang ditentukan. Program-program yang berbentuk kerohanian seperti menghadiri ceramah, solat jemaah dan *qiamullail* merupakan antara program atau cadangan program yang diharap dapat menginsafkan diri pesalah serta memantapkan keimanan mereka. Melalui aktiviti-aktiviti dan kerja kebajikan atau khidmat masyarakat yang dijalankan, pesalah juga akan dapat memperoleh ilmu yang bermanfaat yang dapat mendidik mereka menjadi ketua keluarga ataupun ahli keluarga yang bertanggungjawab dan berakhlaq mulia setelah mereka selesai menjalani hukuman alternatif, sekali gus merupakan jalan penyelesaian kepada gejala sosial dalam masyarakat.<sup>17</sup>

- 2- Dapat mengelakkan implikasi negatif pemenjaraan

Jabatan Penjara Malaysia berpandangan bahawa penjara seharusnya dijadikan sebagai hukuman terakhir dalam menegakkan sistem keadilan jenayah syariah. Ini kerana pesalah jenayah syariah ialah merupakan pesalah agama dan seharusnya dipulihkan dengan menggunakan pendekatan keagamaan.<sup>18</sup> Hukuman penjara sedia ada akan memberikan impak negatif dan memberikan kesan jangka panjang kepada kehidupan pesalah. Pesalah syariah yang dijatuhi hukuman penjara dalam tempoh yang singkat, bukan sahaja tidak dapat mengikuti program pemulihan di penjara iaitu Program Pembangunan Insan (PPI), malahan akan menjaskan kehidupan mereka dan keluarga mereka akibat daripada berkemungkinan kehilangan pekerjaan. Oleh itu, hukuman alternatif adalah lebih sesuai, realistik dan lebih efektif.<sup>19</sup> Melalui pelaksanaan hukuman alternatif ini juga, fungsi institusi agama dan ahli kariah dalam membantu proses pemulihan pesalah akan dapat dioptimumkan. Kos pemenjaraan dan perbelanjaan negara juga akan dapat dikurangkan.<sup>20</sup>

## BENTUK-BENTUK HUKUMAN ALTERNATIF DI MAHKAMAH SYARIAH DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITANNYA

- 1- Bentuk-bentuk Hukuman Alternatif

Berdasarkan Akta/Enakmen/Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri dan Akta/Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Negeri-Negeri, terdapat dua bentuk hukuman alternatif iaitu:

- (a) Perintah untuk Berkelakuan Baik (Bon Berkelakuan Baik)

Kaedah pemulihan pesalah melalui hukuman alternatif di Mahkamah Syariah boleh dilihat dari sudut pengeluaran bon berkelakuan baik dan menjaga keamanan. Bon ialah pelepasan sementara orang yang dituduh dengan mengemukakan cagaran mencukupi dan aku janji Penjamin untuk memastikan kehadiran orang yang dituduh pada setiap hari perbicaraan. Aku janji yang ditandatangani oleh Penjamin dipanggil bon jaminan. Syarat-syarat yang dikenakan ke atas orang yang dituduh dan syarat-syarat ikat jamin adalah atas budi bicara dan

bidang kuasa mahkamah. Dalam perintah Bon Berkelakuan Baik, pesalah boleh diperintah untuk menghadiri sesi kaunseling, program di masjid, melakukan kerja kebajikan atau khidmat masyarakat dan sebagainya.<sup>21</sup>

(b) Pemulihan di Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan

Selain bon, kaedah pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah juga boleh dibuat dengan memerintahkan agar pesalah dihantar ke Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan. Kuasa untuk menubuhkan Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan adalah terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqab (Negeri Selangor) 2013 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2013, “Rumah Pemulihan” bermaksud mana-mana Rumah Pemulihan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang memberikan pemulihan, rawatan dan perlindungan terhadap *Riqab*.<sup>22</sup> Istilah “Pemulihan” merujuk proses pemulihan melalui latihan dan aktiviti-aktiviti yang tertentu berdasarkan modul, kaunseling dan khidmat nasihat yang teratur bagi mengubah tingkah laku negatif dan membangunkan peribadi dalam kalangan *Riqab*. Pemulihan yang diberikan merangkumi proses penyembuhan secara klinikal dan rohaniah melalui agensi yang mempunyai bidang kuasa ke atas *Riqab* bagi menyembuhkan “penyakit” yang dihadapi.<sup>23</sup>

#### PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG UNTUK PERINTAH BON BERKELAKUAN BAIK

Perintah untuk Berkelakuan baik atau Bon Berkelakuan baik di Mahkamah Syariah adalah diperuntukkan untuk Pesalah Muda dan Pesalah Kali Pertama sahaja. Peruntukan ini terdapat dalam kesemua Akta/Enakmen Prosedur atau Tatacara Jenayah Syariah Negeri.<sup>24</sup>

(i) Pesalah Muda

“Pesalah Muda” di Mahkamah Syariah ertiannya seseorang pesalah yang berumur lebih daripada 10 dan kurang daripada 16 tahun.<sup>25</sup> Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) memperuntukkan Bon Berkelakuan Baik di bawah Seksyen 128 yang menyatakan bahawa:

- (1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau pemenjaraan, Mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan—
  - (a) memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh Mahkamah; atau
  - (b) memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, apabila ibu atau bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan; atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahnya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130 (a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh Mahkamah itu patut diberikan.

## Seksyen 128 (2) Denda ke atas Ibu bapa

- (2) Mahkamah yang di hadapannya seorang pesalah muda disabitkan boleh, sebagai tambahan atau sebagai ganti menghukum pesalah itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen ini, mengenakan ke atas ibu atau bapa atau penjaganya denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit dalam mana-mana kes yang Mahkamah itu, selepas siasatan ringkas, berpuas hati bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu telah, dengan sebab mereka cuai dalam menjaganya dengan sepatutnya atau selainnya, menyumbang kepada salah laku pesalah itu:
- Dengan syarat bahawa tiada ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tanpa dia diberi peluang untuk didengar dan, jika dia berhasrat demikian, mengemukakan keterangan untuk membela dirinya.

Seksyen 128 Akta 560 memberi kuasa kepada Mahkamah untuk menggantikan apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan untuk mengeluarkan perintah kepada pesalah muda dengan melepaskan pesalah muda tersebut selepas teguran wajar diberikan; atau memerintahkan pesalah muda itu supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dengan jaminan daripada kedua ibu bapa atau penjaganya, tertakluk kepada jenis kesalahan yang disabitkan. Selain itu, ibu bapa yang didapati cuai sehingga mengakibatkan anaknya terbabit dengan kesalahan jenayah Syariah juga boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit.

Berdasarkan Seksyen 128 di atas, hukuman bagi yang diperuntukkan kepada Pesalah Muda atas kesalahan yang dilakukan ialah denda atau penjara. Sebagai alternatif atau ganti pemenjaraan pesalah muda, mereka boleh dilepas dengan teguran; atau bon berkelakuan baik selama 12 bulan. Tanpa bon, pesalah muda dikehendaki berkelakuan baik selama 24 bulan. Sebagai tambahan, ibu bapa boleh didenda RM200 kerana cuai dalam menjaga anak. Pembelaan diri dibenarkan.

### (ii) Pesalah Kali Pertama

Pertimbangan untuk mengenakan hukuman alternatif juga boleh diberikan oleh hakim apabila melibatkan pesalah kali pertama. Hukuman itu hendaklah sesuatu yang dianggap suai manfaat untuk pesalah berkenaan dengan mengambil kira latar belakang pesalah itu. Lazimnya, hukuman ini membabitkan perintah berkelakuan baik. Seksyen 129 Akta 560 memperuntukkan:

- (1) Apabila mana-mana orang yang bukan seorang pesalah muda telah disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan, maka jika didapati oleh Mahkamah itu bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental pesalah itu atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu atau kepada apa-apa hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan adalah suai manfaat bahawa pesalah itu dilepaskan dalam cubaan akhlak untuk berkelakuan baik, Mahkamah boleh, dengan tidak menghukumnya serta-merta dengan apa-apa hukuman, mengarahkan supaya pesalah itu dilepaskan apabila dia mengikat bon dengan penjamin-penjamin dan sepanjang apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah untuk hadir dan menerima penghakiman jika dan apabila dipanggil dan sementara itu hendaklah berkelakuan baik.
- (2) Jika Mahkamah yang mempunyai kuasa untuk memperlakukan pesalah itu berkenaan dengan kesalahan asalnya berpuas hati bahawa pesalah itu telah tidak mematuhi mana-mana syarat bonnya, ia bolehlah mengeluarkan suatu waran bagi pemberkasannya.
- (3) mana-mana pesalah apabila diberkas dengan mana-mana waran sedemikian hendaklah, jika tidak dibawa dengan serta-merta ke hadapan Mahkamah yang mempunyai kuasa untuk menghukumnya, dibawa ke hadapan seorang Hakim, dan Hakim itu boleh sama ada menahannya melalui waran sehingga masa dia dikehendaki oleh bonnya untuk hadir bagi

- penghakiman atau sehingga bersidangnya Mahkamah yang mempunyai kuasa untuk menguruskan kesalahan asalnya, atau boleh membenarkan dia mengikat jamin dengan penjamin yang mencukupi dengan syarat dia hadir bagi penghakiman.
- (4) Pesalah itu, apabila ditahan sedemikian, boleh dipenjarakan dan waran tahanannya hendaklah memerintahkan supaya dia dibawa ke hadapan Mahkamah yang dihadapannya dia terikat untuk hadir bagi penghakiman atau untuk memberikan jawapan tentang kelakuannya sejak dia dilepaskan.

Seksyen 129 Akta 560 ini memperuntukkan bagi kesalahan kali pertama sahaja yang disabitkan dengan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman pemerlukan. Dari segi hukuman, bon berkelakuan baik boleh dikenakan jika suai manfaat bagi pesalah kali pertama. Antara faktor yang diambil kira dalam penentuan hukuman ialah usia, watak, latar belakang, kesihatan, keadaan mental dan sebagainya.

### **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BAGI PENUBUHAN PUSAT PEMULIHAN ATAU RUMAH YANG DILULUSKAN DALAM AKTA/ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI-NEGERI**

Tidak semua negeri di Malaysia mempunyai peruntukan untuk menubuhkan pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan bagi pesalah syariah. Sehingga kini, hanya tujuh buah negeri sahaja yang mempunyai peruntukan tersebut iaitu:

#### **1. Wilayah Persekutuan**

Seksyen 54 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) memperuntukkan:

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat atau institusi, menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Akta ini.

#### **2. Selangor**

Seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor)(En. 9/95) memperuntukkan:

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta menetapkan mana-mana tempat menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini.

#### **3. Johor**

Seksyen 54 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Johor) 1997 (En. 4/97) memperuntukkan:

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat atau institusi, menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini.

#### **4. Pulau Pinang**

Seksyen 54 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (En. 3/96) memperuntukkan:

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat atau institusi, menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini.

#### **5. Terengganu**

Seksyen 66 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 (En. 7/01) memperuntukkan:

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat atau institusi, menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini.

## 6. Pahang

Seksyen 65 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 (En. 11/2013) memperuntukkan:

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat tahanan, institusi, rumah atau pusat pemulihan akhlak menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini.

## 7. Sarawak

Seksyen 51 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001 (Bab 46/2001) memperuntukkan:

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat atau institusi menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Ordinan ini.

Sementara itu, negeri-negeri lain sehingga kini masih belum mempunyai peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah bagi menu buhkan Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan. Kuasa bagi menu buhkan Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan adalah di bawah Bidang Kuasa Majlis Agama Islam Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran setiap Negeri kecuali Perlis.<sup>26</sup>

## ANALISIS DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BAGI HUKUMAN ALTERNATIF DI MAHKAMAH SYARIAH

### 1- Analisis Peruntukan Undang-undang bagi Hukuman Alternatif Bon Berkelakuan Baik dan cadangan penambahbaikan

Penelitian dan kajian yang dilakukan oleh penulis ke atas peruntukan berkaitan hukuman alternatif berbentuk Bon Berkelakuan Baik ke atas Pesalah Muda dan Pesalah Kali Pertama mendapati beberapa aspek perundangan yang perlu ditambah baik di Mahkamah Syariah iaitu:

#### (a) Keperluan kepada pentafsiran umur bagi pesalah kanak-kanak di Mahkamah Syariah

Berdasarkan Seksyen 2 Akta 560, pesalah muda di bawah perundangan Syariah ialah seseorang pesalah yang berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun. Tafsiran umur bagi pesalah muda 10 hingga 16 tahun ini juga ialah tafsiran yang dibuat di bawah Undang-undang Keluarga Islam dan bukannya Undang-undang Jenayah Islam.<sup>27</sup> Sementara itu, tiada tafsiran khusus dibuat bagi pesalah kanak-kanak di bawah Perundangan Syariah. Di Mahkamah Sivil, tafsiran umur bagi pesalah kanak-kanak berdasarkan Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2000 (Akta 611) ialah seseorang yang berumur di bawah 18 tahun. Ketiadaan tafsiran umur yang jelas bagi membezakan antara pesalah muda dengan pesalah kanak-kanak akan menyebabkan kesukaran untuk menentukan atau memberikan hukuman alternatif yang bersesuaian sekali gus menggagalkan matlamat pemulihan pesalah tersebut. Oleh itu adalah dicadangkan agar tafsiran umur ini dapat dibuat dengan jelas bagi membezakan kedua-dua kategori pesalah tersebut agar modul pemulihan yang bersesuaian dapat dirangka dan diberikan.

#### (b) Keperluan kepada Pentafsiran Umur yang Seragam bagi Pesalah Muda Syariah

Penelitian penulis mendapati tidak kesemua Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri memberikan tafsiran umur yang sama bagi pesalah muda. Perlis umpamanya menetapkan

umur pesalah muda adalah di bawah 18 tahun.<sup>28</sup> Sementara itu, Kedah pula merupakan satu-satunya negeri yang tidak meletakkan tafsiran umur bagi pesalah muda.<sup>29</sup> Bagi negeri-negeri lain pula, pesalah muda ditafsirkan sebagai seseorang pesalah yang berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun. Tafsiran umur yang tidak seragam akan menimbulkan persoalan tentang apakah asas yang diambil kira dalam penentuan umur dan mengapakah ia berbeza. Jadi, ia akan memberikan tanggapan negatif masyarakat kepada Mahkamah Syariah dan dikhuatirkan akan menjelaskan kewibawaan Mahkamah Syariah dalam usaha untuk meningkatkan bidang kuasa jenayah. Ketidakselarasan pentafsiran dalam peruntukan ini akan menyulitkan penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang dalam sistem perundangan dan kehakiman jenayah syariah negeri-negeri sekiranya hukuman alternatif hendak dilaksanakan. Oleh itu, adalah dicadangkan agar pentafsiran umur ini dapat diseragamkan bagi kesemua negeri-negeri.

## 2- Analisis Peruntukan Undang-undang bagi Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan dan cadangan penambahbaikan

Kajian terperinci yang dilakukan tentang Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan mendapati dua aspek yang perlu ditambah baik iaitu:

- (a) Mewujudkan peruntukan dan melaksanakan peruntukan undang-undang sedia ada

Kuasa untuk menujuhkan pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan adalah terletak di bawah kuasa negeri-negeri atau lebih tepatnya, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang diperuntukkan dalam Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Dari segi peruntukan undang-undang bagi menujuhkan Rumah Pemulihan, hanya tujuh buah negeri sahaja mempunyai peruntukan tersebut. Negeri-negeri yang masih belum mempunyai peruntukan undang-undang dalam mana-mana enakmen untuk menujuhkan rumah pemulihan atau pusat bimbingan ialah Perlis, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Sabah. Oleh itu, sudah sampai masanya enakmen negeri-negeri ini disemak semula agar Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dapat diberi kuasa untuk mewujudkan pusat pemulihan/ rumah diluluskan bagi maksud penghukuman dan pemulihan pesalah jenayah syariah.

- (b) Merealisasikan peruntukan untuk menujuhkan Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan

Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Sarawak, Terengganu dan Pahang ialah negeri-negeri yang mempunyai peruntukan dalam Enakmen Jenayah Negeri masing-masing untuk menujuh dan menghantar pesalah syariah di negeri-negeri berkenaan ke pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan. Walau bagaimanapun, sehingga kini, hanya Negeri Selangor sahaja yang melaksanakan peruntukan tersebut dengan menujuhkan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman. Pada hemat penulis, keadaan ini mungkin menjadi penyebab para hakim di negeri selain Negeri Selangor hampir tidak mengeluarkan apa-apa perintah penahanan pesalah jenayah syariah di mana-mana pusat bimbingan atau pemulihan Islam.<sup>30</sup> Sekiranya terdapat perintah bersaling untuk menghantar pesalah syariah ke Negeri Selangor sekalipun, bilangan pesalah yang dihantar adalah amat sedikit kerana kesulitan pengurusan dan kos perbelanjaan yang tinggi.<sup>31</sup>

Oleh hal yang demikian, sudah sampai masanya negeri-negeri yang mempunyai peruntukan untuk menujuhkan pusat pemulihan ini mewujudkannya di negeri masing-

masing. Walaupun perwujudan Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan memerlukan kos yang tinggi, tetapi ia perlu difikirkan dan diberi perhatian yang sewajarnya atas dasar untuk menjaga *maslahah* umat Islam. Penubuhan pusat pemulihan adalah di bawah bidang kuasa negeri dan boleh dilaksanakan di negeri-negeri, tidak seperti penjara yang merupakan bidang kuasa persekutuan.<sup>32</sup>

## KESIMPULAN

Di samping hukuman yang telah ditetapkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984), kajian mendapati bahawa, Mahkamah Syariah negeri-negeri melalui peruntukan yang terdapat dalam Akta/Enakmen/Ordinan Negeri berkuasa untuk melaksanakan hukuman alternatif selain yang diperuntukkan dalam Akta 355. Hukuman alternatif ini adalah bermatlamatkan pemulihan pesalah berbanding menghukum mereka semata-mata. Pelaksanaan hukuman alternatif ini sebenarnya menepati konsep dan roh *Maqasid al-Syariah* dalam memperbaiki diri pesalah serta memulihkan mereka. Sehingga kini, terdapat dua bentuk hukuman alternatif di Mahkamah Syariah iaitu Perintah untuk Berkelakuan Baik (Bon Berkelakuan Baik) dan Pemulihan di Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan. Bagi pelaksanaan bon berkelakuan baik, hakim boleh mengenakan apa-apa hukuman yang bersesuaian kepada pesalah muda dan pesalah kali pertama. Bagi Pusat Pemulihan atau Rumah yang diluluskan pula, tidak kesemua negeri mempunyai peruntukan bagi menubuhkannya. Sekiranya terdapat peruntukan pun, tidak kesemua yang melaksanakannya. Sehingga kini, hanya Negeri Selangor sahaja yang merealisasikan peruntukan tersebut dengan menubuhkan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman.

Bagi tujuan pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah, beberapa aspek perundangan terutamanya yang berkaitan dengan punca kuasa perlulah dimantapkan dan ditambah baik terlebih dahulu dalam Akta/Enakmen Perundangan Syariah Negeri-Negeri. Pemantapan dan penambahbaikan punca kuasa ini adalah sangat penting bagi memastikan hukuman alternatif ini dapat dilaksanakan dengan lancar, sistematik dan menyeluruh. Cadangan ke arah penambahbaikan dan pemantapan peruntukan perundangan dalam Akta/Enakmen Syariah Negeri-negeri ini diutarakan oleh penulis sebagai usaha untuk mengelakkan apa-apa masalah perundangan yang bakal timbul sekiranya aspek peruntukan perundangan ini diabaikan. Kegagalan untuk menambah baik aspek perundangan akan menyebabkan hukuman alternatif yang cuba untuk diketengahkan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah akan menjadi tidak popular sekali gus menjadikan Mahkamah Syariah terus menerus ‘terbelenggu’ dalam kerangka hukuman Akta 355.

## NOTA

<sup>1</sup> Hasnizam Hashim & Jasri Jamal. 2014. “Transformasi Mahkamah Syariah Di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman Bagi Kes-Kes Jenayah Syariah”. *'Ulum Islamiyyah*. Negeri Sembilan: Penerbit Usim. Vol. 12 (June) 2014, hlm. 99-100.

<sup>2</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 10.

<sup>3</sup> Siti Zubaidah Ismail. 2012. Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Semakan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 113-114.

<sup>4</sup> Zainul Rijal Abu Bakar & Nurhidayah Muhd Hashim. 2008. *Isu-Isu Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, hlm. 90-94.

- 
- <sup>5</sup> Hasnizam Hashim & Jasri Jamal. 2014. “Transformasi Mahkamah Syariah Di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman Bagi Kes-Kes Jenayah Syariah”. *Ulum Islamiyyah*. Negeri Sembilan: Penerbit Usim. Vol. 12 (June) 2014, hlm. 99.
- <sup>6</sup> Persidangan pertama sebagai pencetus kepada perbincangan mengenai hukuman alternatif ini telah diadakan pada tahun 2011 bertempat di Shah Alam Selangor. Seminar bertemakan ‘Hukuman Alternatif: Pelaksanaan dan Keberkesanan 2011’ adalah anjuran Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Selangor.
- <sup>7</sup> YAA Dato’ Yusof Musa. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Forum: Isu dan Cabaran Hukuman Alternatif dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia dalam Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Peringkat Kebangsaan 2014 bertempat di Fakulti Undang-Undang UKM pada 23 Disember 2014.
- <sup>8</sup> Noor Aziah Mohd. Awal. 2013. *Pengenalan Kepada Sistem Perundungan Di Malaysia*. Selangor: International Law Book Services, hlm 190.
- <sup>9</sup> Abdul Monir Yaacob. 2015. *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Selangor. Universiti Islam Malaysia, hlm. 190-191.
- <sup>10</sup> Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355]. Lihat juga perbincangan mengenainya dalam Farid Sufian Shuaib. 2008. *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*. Selangor: Lexis Nexis, hlm. 118-120.
- <sup>11</sup> Lihat Akta/ Enakmen/ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.
- <sup>12</sup> YAA Dato’ Yusof Musa. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Forum: Isu dan Cabaran Hukuman Alternatif dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia dalam Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Peringkat Kebangsaan 2014 bertempat di Fakulti Undang-Undang UKM pada 23 Disember 2014.
- <sup>13</sup> Siti Zubaidah Ismail. 2011. ‘Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. 2011. *Shariah Law Reports*. [2011 ShLR]. 4 ShLR], hlm. xxiv.
- <sup>14</sup> Noor Huda Roslan. Ketua Pendaftar, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Selangor. 2013. Hukuman Alternatif dari Perspektif Syara’ dan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. (Slide Power Point). Konvensyen Perundungan Syariah. Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan bertempat di Bangunan SUK Seremban pada 6 Mac 2013. Slide no 11.
- <sup>15</sup> YAA Dato’ Yusof Musa. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Forum: Isu dan Cabaran Hukuman Alternatif dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia dalam Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Peringkat Kebangsaan 2014 bertempat di Fakulti Undang-Undang UKM pada 23 Disember 2014.
- <sup>16</sup> Siti Zubaidah Ismail. Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 2015. Hukuman Alternatif kepada Pesalah Jenayah Syariah dalam Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. Persidangan Meja Bulat kali Pertama. Anjuran Grup Penyelidikan FRGS (Kod Penyelidikan: FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8) bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 3 Mac 2015. Slide no 9.
- <sup>17</sup> Awang Armadajaya bin Awang Mahmud. Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara. 2013. Hukuman Alternatif: Satu Perbandingan di antara Mahkamah Sivil dan Syariah. Konvensyen Perundungan Syariah. Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan bertempat di Bangunan SUK Seremban pada 6 Mac 2013, hlm. 25-26.
- <sup>18</sup> KPj Jamaludin Saad. Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia. 2015. Pemulihan Pesalah Syarie. Persidangan Meja Bulat kali Kedua. Anjuran Grup Penyelidikan FRGS (Kod Penyelidikan: FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8) bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.
- <sup>19</sup> Jasri Jamal. 2015. “Ulasan Kes: Pendakwa Syarie Iwn Noor Wahida bt Ahmad Azri [2013] 3 Shlr 116”. Kanun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Vol. 1. Jil. 27. Januari 2015, hlm. 194.
- <sup>20</sup> Abas Bin Nordin. Pengarah Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya. 2015. Hukuman Alternatif kepada Pesalah Jenayah Syariah dalam Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. Persidangan Meja Bulat kali Pertama. Anjuran Grup Penyelidikan FRGS (Kod Penyelidikan: FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8) bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 3 Mac 2015. Slide no 10.
- <sup>21</sup> n.a., 22 Julai 2016. “Proses Ikat Jamin di Mahkamah”. *Laman Web rasmi Mahkamah Negeri Selangor*. <http://selangor.kehakiman.gov.my/?q=node/238>
- <sup>22</sup> Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqab (Negeri Selangor) 2013, hlm. 5.
- <sup>23</sup> Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqab (Negeri Selangor) 2013, hlm. 5.
- <sup>24</sup> Lihat Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Negeri-Negeri.
- <sup>25</sup> Lihat Seksyen 2, Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560).
- <sup>26</sup> Peruntukan-peruntukan tersebut boleh dilihat dalam Seksyen 5(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (En. 1/03), Seksyen 5(5) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah

Persekutuan) 1993 (Akta 505), Seksyen 5(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/03), Seksyen 5(5) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Kedah Darul Aman) 2008 (En 5/08/ En. 9), Seksyen 6 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (Kelantan), Seksyen 5(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 7/02), Seksyen 5(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 1992 (En. 4/92), Seksyen 5(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En. 4/04/ En. 2), Seksyen 116 (o) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 (En. 3/91), Seksyen 5(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 (En. 4/04), Seksyen 5(5) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sabah) 1992 (En. 13/92), Seksyen 5(2)(1)(g) Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Bab 41/2001) dan Seksyen 6(5) dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/01).

<sup>27</sup> YAA Dato' Yusof Musa. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 2015. Hukuman Alternatif kepada Pesalah Jenayah Syariah dalam Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. Persidangan Meja Bulat kali Pertama. Anjuran Grup Penyelidikan FRGS (Kod Penyelidikan: FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8) bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 3 Mac 2015. Slide no 20.

<sup>28</sup> Tafsiran umur hanya dibuat bagi pesalah remaja iaitu umur di bawah 18 tahun. Lihat Seksyen 2 Enakmen Prosedur Jenayah dalam Syarak 1993 (Perlis) (En. 7/93).

<sup>29</sup> Lihat Seksyen 2, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 (En. 21/2014).

<sup>30</sup> Siti Zubaidah Ismail. 2013. Penjara Khas Bagi Pesalah Syariah: Suatu Keperluan? *Shariah Law Reports*. 2: hlm. vi.

<sup>31</sup> YAA Dato' Yusof Musa. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Forum: Isu dan Cabaran Hukuman Alternatif dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia dalam Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Peringkat Kebangsaan 2014 bertempat di Fakulti Undang-Undang UKM pada 23 Disember 2014.

<sup>32</sup> Lihat Seksyen 3, Akta Penjara 1995 dan Peraturan-Peraturan (Akta 537).

## RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob. 2015. *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Selangor. Universiti Islam Malaysia.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Farid Sufian Shuaib. 2008. *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*. Selangor: Lexis Nexis.
- Hasnizam Hashim & Jasri Jamal. 2014. "Transformasi Mahkamah Syariah Di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman Bagi Kes-Kes Jenayah Syariah". *'Ulum Islamiyyah*. Negeri Sembilan: Penerbit Usim. Vol. 12 (June) 2014.
- Jasri Jamal. 2015. "Ulasan Kes: Pendakwa Syarie lwn Noor Wahida bt Ahmad Azri [2013] 3 Shlr 116". Kanun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Vol. 1. Jil. 27. Januari 2015.
- Noor Aziah Mohd. Awal. 2013. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*. Selangor: International Law Book Services.
- Siti Zubaidah Ismail. 2012. Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Semakan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Siti Zubaidah Ismail. 2011. 'Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. 2011. *Shariah Law Reports*. [2011 ShLR]. 4 ShLR].
- Siti Zubaidah Ismail. 2013. Penjara Khas Bagi Pesalah Syariah: Suatu Keperluan? *Shariah Law Reports*. 2.
- Zainul Rijal Abu Bakar & Nurhidayah Muhd Hashim. 2008. *Isu-Isu Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.

---

Dr. Hasnizam Hashim  
Fakulti Syariah & Undang-undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan  
Emel: [hasnizam@usim.edu.my](mailto:hasnizam@usim.edu.my)

Profesor Madya Dr. Jasri Jamal  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor